



**TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
KENYATAAN MEDIA**

**MESYUARAT PENYELARASAN ANTARA MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH KE-60
BERSAMA EXCO-EXCO LUAR BANDAR (MEXCLUB)**

16 DISEMBER 2025 | PERAK

Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah Bersama Exco-Exco Luar Bandar (MEXCBLUB) yang ke-60 di Ipoh pada hari ini, saya telah meminta Exco-Exco Luar Bandar agar melihat agenda luar bandar dengan cakupan yang lebih luas dan tidak terikat kepada bidang kuasa tradisi semata-mata. Isu seperti TVET, pendidikan awal kanak-kanak, pembangunan industri halal dan pengurusan bencana mungkin tidak terletak secara langsung di bawah portfolio KKDW, namun kesemuanya berkait rapat dengan kesinambungan pembangunan luar bandar dan masa depan masyarakat desa.

Oleh itu, **saya telah menyarankan agar Exco-Exco Luar Bandar memperkukuh kerjasama rentas jabatan dan agensi di peringkat negeri**, serta memainkan peranan lebih aktif dalam membentuk ekosistem pembangunan luar bandar yang lebih efisien dan holistik.

Antara tumpuan utama negara ialah keperluan melahirkan tenaga mahir dalam skala yang jauh lebih besar. Sehubungan itu, **Exco-Exco Luar Bandar diseru untuk menyokong sasaran nasional agar 70% lepasan SPM memilih laluan TVET sebagai pilihan pertama menjelang tahun 2030**, selaras dengan agenda transformasi ekonomi negara yang menuntut tenaga kerja berkemahiran tinggi, kompetitif dan bersedia menghadapi keperluan industri masa hadapan.

Bagi Belanjawan 2026, **daripada jumlah peruntukan RM12.4 bilion yang diluluskan kepada KKDW, sebanyak RM7.788 bilion akan disalurkan bagi tujuan pembangunan desa**. Peruntukan besar ini merangkumi pelaksanaan projek asas luar bandar seperti pembinaan serta pembaikan jalan dan jalan perhubungan desa berjumlah RM2.5 bilion serta RM700 juta bagi penyediaan bekalan air bersih dan elektrik termasuk pemasangan panel solar di kawasan pedalaman.

Bagi memperkukuh pembangunan awal kanak-kanak dan pembelajaran komuniti, KKDW akan membina enam Taska dan Tabika KEMAS baharu, selain memperuntukkan RM70 juta untuk membekalkan *Smart TV* kepada 10,800 kelas KEMAS seluruh negara sebagai sebahagian daripada agenda pendigitalan pembelajaran.

Dalam usaha meningkatkan ekonomi dan memperkukuhkan ekosistem usahawan desa pula, Kerajaan telah memperuntukkan RM150 juta bagi menyokong pertumbuhan syarikat pemula sektor strategik bernilai tinggi serta menaiktaraf 365 premis perniagaan MARA.

Sabah, Sarawak dan Pahang kekal sebagai penerima peruntukan tertinggi di bawah KKDW dengan agihan masing-masing RM1.41 bilion, RM790.9 juta dan RM679.2 juta mencerminkan komitmen kerajaan bagi memastikan pembangunan luar bandar di setiap negeri terus dipacu secara seimbang dan berimpak tinggi.

Hasil perbincangan dan cadangan dasar dalam MEXCLUB pada kali ini akan menjadi input penting kepada **penyediaan Pelan Strategik KKDW 2026–2030** yang bakal dilancarkan pada Februari 2026. Keseluruhan pelan ini dirangka untuk memacu pembangunan luar bandar secara holistik, mampan dan inklusif, agar manfaatnya dapat dirasakan secara langsung oleh masyarakat desa di seluruh negara.

Mesyuarat turut bersetuju agar KKDW menggunakan Sistem e-Penghulu Negeri Perak sebagai platform digital yang akan diperluaskan penggunaannya ke semua Pejabat Penghulu di seluruh negara.

KKDW akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri bagi memastikan agenda pembangunan luar bandar dilaksanakan secara terancang, berfokus dan memberi impak tinggi kepada rakyat. Melalui sinergi yang lebih utuh antara Persekutuan dan Negeri, kerajaan yakin pembangunan luar bandar dapat digerakkan dengan lebih tersusun, bersepadu dan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

16 Disember 2025